

Tajuk : Hari Terbuka Fokus IT di UNIMAS

Hari Terbuka Fokus IT di Unimas

SAMARAHAN 21 Feb. - Persatuan Teknologi Maklumat (Pertekma) dengan kerjasama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan mengadakan Hari Terbuka Fokus IT di kampus berkenaan pada 29 Februari hingga 1 Mac ini.

Program tersebut akan bermula dari pukul 8 pagi sehingga 5 petang di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Unimas.

Para pelajar terutamanya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan diploma di alu-alukan untuk memeriahkan program tersebut.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan antaranya sesi ceramah kerjaya di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), jualan barangan ICT, gerai makanan dan pakaian, mini karnival dan banyak lagi.

Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini dan masuk adalah percuma.

Maklumat lanjut boleh dapati dengan menghubungi Nur Efarizan Mogan di talian 082-583762 atau melayari laman web <http://www.fcsit.unimas.my/>.